



**ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
BILANGAN 5 TAHUN 2020**

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI



LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI
(LANGKAWI DEVELOPMENT AUTHORITY)
Kompleks LADA, Peti Surat 60
Jalan Persiaran Putra,
07000 Kuah, Langkawi
KEDAH DARUL AMAN



TELEFON : 604-9600600/604-9600700
FAKS : 604-9600829/509/809
WEB : www.lada.gov.my
: www.langkawigeopark.com.my



Rujukan Tuan : LADA.UI.100-1/7/1Jld.2(19)
Rujukan Kami :
Tarikh : 20 Julai 2020

Semua Warga Kerja Lembaga Pembangunan Langkawi

ARAHAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI BILANGAN 5 TAHUN 2020

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

1. TUJUAN

- 1.1 Polisi ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan kepada semua warga kerja LADA mengenai bentuk perlindungan kepada individu yang memberi maklumat atau pendedahan berkaitan dengan mana-mana salah laku yang telah atau sedang atau akan berlaku yang boleh menjejaskan imej dan reputasi LADA.
- 1.2 Di samping itu, polisi ini disediakan bagi memastikan warga kerja LADA menggunakan hak mereka untuk membuat pendedahan secara bertanggungjawab apabila mengetahui dan mengesyaki berlaku sesuatu salah laku atau penyelewengan.
- 1.3 Dengan penyediaan polisi ini, diharapkan dapat mendorong semua warga LADA untuk mematuhi etika dan sekali gus menunjukkan komitmen LADA dalam menangani masalah penipuan, salah laku, rasuah dan kesilapan yang berlaku di dalam atau luar pejabat. Sekiranya polisi ini dilaksanakan secara efektif, maka LADA akan dapat meningkatkan integriti dan kredibiliti seluruh warga kerja LADA.
- 1.4 LADA amat menggalakkan komunikasi secara terbuka dengan menekankan amalan budaya kerja bersih, cekap dan amanah. Polisi ini juga merupakan alternatif sekiranya sistem komunikasi biasa tidak dapat digunakan apabila aduan adalah berkaitan dengan pegawai atasan atau rakan sekerja yang terhampir dengan pemberi maklumat.

2. PERNYATAAN POLISI

- 2.1 Polisi ini hanya terpakai bagi pendedahan KTW berdasarkan kepercayaannya yang munasabah bahawa mana – mana warga kerja LADA telah melibatkan diri, sedang melibatkan diri atau bersedia untuk melibatkan diri dalam KTW yang jika terbukti menjadi suatu kesalahan jenayah di bawah undang-undang.
- 2.2 Polisi ini tidak terpakai bagi pendedahan KTW yang melibatkan mana – mana warga kerja LADA jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib di bawah Jadual Kedua, Peraturan – Peraturan Tatatertib Badan – Badan Berkanun, Akta Badan – Badan Berkanun (Tatatertib dan Sucaj) 2000 [Akta 605].

3. OBJEKTIF

- 3.1 Objektif polisi ini digubal adalah seperti berikut:
- i. Memudahkan warga kerja LADA untuk membuat pendedahan atau aduan dengan kadar segera, dengan penuh tanggungjawab dan mengikut prosedur yang ditetapkan;
 - ii. Melindungi pemberitahu maklumat daripada tindak balas akibat pendedahan yang dilakukannya dan melindungi maklumat peribadi pemberitahu maklumat;
 - iii. Untuk berlaku adil kepada pemberi maklumat dan pesalah yang dilaporkan. Pemberi maklumat akan dimaklumkan tentang status pendedahan dan pesalah akan dimaklumkan tentang tuduhan terhadapnya serta diberi peluang untuk menjawab pertuduhan;
 - iv. Menggalakkan warga kerja LADA dan orang awam untuk membuat pendedahan salah laku rasuah;
 - v. Memenuhi hasrat Kerajaan untuk memerangi gejala rasuah dan mengurangkan kejadian berunsur jenayah; dan
 - vi. Menyediakan ruang dan memproses untuk membuat laporan dan pengendalian salah laku di LADA.

4. RUJUKAN

- 4.1 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605].
- 4.2 Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

5. PEMBATALAN

- 5.1 Dengan ini, Garis Panduan Bilangan 1 Tahun 2015: Perlindungan Pemberi Maklumat adalah dibatalkan.

6. PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

- 6.1 Polisi ini adalah terpakai kepada semua warga kerja LADA dan berkuat kuasa serta merta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KEDAH SEJAHTERA NIKMAT UNTUK SEMUA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. HEZRI ADNAN)

Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Langkawi

Bertarikh : 30 Julai 2020



POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

LEMBAGA PEMBANGUNAN LANGKAWI

PERKARA	MUKA SURAT
TUJUAN	i
PERNYATAAN POLISI	ii
OBJEKTIF	ii
RUJUKAN	ii
PEMBATALAN	iii
PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA	iii
PENDAHULUAN	1
TAFSIRAN	1
PEMBERITAHU MAKLUMAT	2
PERKARA YANG BOLEH DIEDAHKAN	3
MASA PENDEDAHAN MAKLUMAT BOLEH DIENDAHKAN	3
PELAPORAN SALAH LAKU	4
PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT	5
MEKANISME SIASATAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DAN ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN	5
PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT	6
PERMOHONAN REMEDI	6
GANJARAN	6
KESAN PENDEDAHAN YANG TIDAK BENAR	6
CARTA ALIR PEMBERI MAKLUMAT	7
LAMPIRAN	8

POLISI PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pendekatan “No Wrong Door Policy” yang diperkenalkan oleh Kerajaan membolehkan rakyat mengemukakan maklum balas sama ada dalam bentuk cadangan penambahbaikan, penghargaan dan aduan bagi mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan organisasi.
- 1.2. Kerajaan telah memperkenalkan beberapa saluran aduan seperti Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA), Pusat Panggilan 1Malaysia (1MOCC) dan MySMS 15888 bagi memudahkan orang ramai mengemukakan aduan kepada Kementerian, Jabatan dan Agensi Kerajaan.
- 1.3. Sebagai langkah penambahbaikan, Lembaga Pembanguna Langkawi (LADA) mengambil inisiatif untuk merangka Polisi Perlindungan Pemberi Maklumat bagi memperkukuhkan saluran aduan sedia ada.
- 1.4. Susulan itu, warga kerja LADA sentiasa digalakkan untuk berani dan tampil sebagai pemberi maklumat bagi membuat pendedahan kelakuan tidak wajar (KTW). Bagi tujuan tersebut, Polisi ini dirangka untuk memberikan kesedaran dan kefahaman tentang perlindungan kepada pemberi maklumat dan memudahkan proses membuat pendedahan KTW kepada agensi penguatkuasaan berkaitan di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711].

2. TAFSIRAN

- 2.1. **Kelakuan Tidak Wajar (KTW)**
Apa-apa kelakuan jika terbukti menjadi suatu kesalahan tatatertib atau kesalahan jenayah.
- 2.2. **Kesalahan Tatatertib**
Tindakan yang melanggar tatatertib dalam agensi awam. Kesalahan hendaklah diperuntukan oleh undang-undang atau dalam tatakelakuan, kod etika, pekeliling atau kontrak kerja.
- 2.3. **Kesalahan Jenayah**
Kesalahan yang diperuntukan oleh mana-mana Undang-Undang Jenayah Negara.
- 2.4. **Pemberi Maklumat**
Seseorang yang membuat pendedahan kelakuan tidak wajar kepada agensi penguatkuasaan sama ada secara lisan atau bertulis.

2.5. Maklumat Sulit

Maklumat sulit termasuklah:

- i. Maklumat tentang identiti, pekerjaan, alamat kediaman, alamat kerja atau tempat beradanya seseorang pemberi maklumat dan seseorang yang terhadapnya seorang pemberi maklumat telah membuat pendedahan kelakuan tidak wajar;
- ii. Maklumat yang didedahkan oleh seorang pemberi maklumat; dan
- iii. Maklumat yang jika didedahkan boleh menyebabkan mudarat kepada mana-mana orang.

2.6. Tindakan Yang Memudaratkan

Antara tindakan yang memudaratkan adalah seperti berikut:

- i. Tindakan yang menyebabkan kecederaan, kehilangan atau kerosakan;
- ii. Ugutan atau gangguan;
- iii. Gangguan terhadap pekerjaan sah atau mata pencarian mana-mana orang termasuk diskriminasi penamatan perkhidmatan, penurunan pangkat, gantung kerja, keadaan yang merugikan, penamatan atau layanan buruk berhubungan dengan pekerjaan, kerjaya, profesion, gred atau perniagaan mana-mana orang atau pengambilan tindakan tatatertib; dan
- iv. Suatu ancaman untuk mengambil mana-mana tindakan yang disebut dalam para 2.6(i) hingga 2.6(iii).

2.7. Saksi

Orang yang mempunyai pengetahuan secara langsung atau terlibat dalam transaksi kelakuan tidak wajar yang dikenalpasti hasil daripada siasatan dan memberi keterangan berdasarkan pengetahuan yang munasabah.

3. PEMBERITAHU MAKLUMAT

- 3.1. Pemberitahu maklumat (*Whistleblower*) melibatkan individu yang memberi maklumat mengenai risiko terhadap aktiviti salah laku. Sehubungan dengan itu, polisi ini diwujudkan untuk melindungi warga kerja LADA yang membuat pendedahan daripada dikenakan tindakan yang memudaratkan serta pendedahan tersebut mendapat perhatian dan siasatan sewajarnya.
- 3.2. Pemberi maklumat boleh terdiri daripada masyarakat atau orang yang mempunyai pengetahuan tentang sesuatu kelakuan tidak wajar sama ada:
 - i. Melalui pengetahuan sendiri;
 - ii. Maklumat yang diperolehi daripada orang yang mempunyai pengetahuan tentang kelakuan tidak wajar;
 - iii. Mereka yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam sesuatu kelakuan tidak wajar; atau

- iv. Sumber dari mana-mana agensi penguatkuasa seperti Polis Diraja Malaysia, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan sebagainya.
- 3.3. Pemberi maklumat tidak boleh dijadikan sebagai **saksi atau menjadi saksi**.
- 3.4. Pemberi maklumat yang boleh memberikan pendedahan ialah:
- i. Warga kerja LADA [Tetap, Lantikan Kontrak (*Contract of Service/Contract for Service*) dan Pelajar Latihan Industri];
 - ii. Mereka yang terlibat dalam memberikan perkhidmatan di LADA termasuk kontraktor dan perunding-perunding (pengendali perkhidmatan); dan
 - iii. Orang awam atau individu perseorangan.
- 3.5. LADA juga memberi jaminan bahawa pemberi maklumat akan dilindungi daripada sebarang tindak balas disebabkan laporan yang dibuat kepada pegawai atasan, pengurusan atau pegawai pelaksana. Tiada tindakan disiplin akan diambil kepada pemberi maklumat dan maklumat mestilah tanpa sebarang niat jahat.

4. PERKARA YANG BOLEH DIDEHAHKAN

- 4.1. Pendedahan boleh dibuat sekiranya ia berkaitan dengan perkara berikut:
- i. Rasuah;
 - ii. Tidak jujur dalam tanggungjawab;
 - iii. Kesalahan jenayah;
 - iv. Salah guna wang atau harta LADA;
 - v. Salah guna kuasa;
 - vi. Kesilapan pengurusan yang melampau di LADA;
 - vii. Kesalahan dalam pengurusan kewangan;
 - viii. Pelanggaran Kod Etika dan Tatakelakuan serta Pelan Integriti;
 - ix. Gagal mematuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan; dan
 - x. Dengan sengaja mengarah atau menasihati seseorang untuk melakukan kesalahan-kesalahan dinyatakan seperti di atas.

5. MASA PENDEHAHAN MAKLUMAT BOLEH DIENDAHKAN

- 5.1. Pemberi maklumat haruslah memaklumkan kepada Unit Integriti LADA dengan membawa apa-apa dokumen dengan niat baik dan berasaskan alasan yang munasabah dan percaya bahawa kesalahan yang dijangka akan berlaku, sedang berlaku dan telah berlaku.
- 5.2. Jika pemberi maklumat pernah atau sedang terlibat dalam satu-satu kesalahan atau pelanggaran seperti di para 7.1, pemberi maklumat digalakkan untuk membuat pendedahan dan pengakuan secara sukarela dan akan diberi pertimbangan sewajarnya.

5.3. Pendedahan maklumat boleh dilaporkan pada bila-bila masa sahaja.

6. PELAPORAN SALAH LAKU

6.1. Pemberi maklumat harus melaporkan dengan **kadar segera** akan salah laku atau pelanggaran yang disyaki.

6.2. Aduan boleh dibuat secara bertulis, lisan, dihantar dengan tangan, melalui pos atau emel seperti berikut:

i. Pos ke alamat:

Unit Integriti
Lembaga Pembangunan Langkawi
Kompleks LADA, Peti Surat 60
Jalan Persiaran Putra
07000 Langkawi
KEDAH DARUL AMAN

ii. Email ke integriti@lada.gov.my

6.3. Pemberi maklumat perlu menyediakan maklumat seperti berikut:

- i. Kejadian/kesalahan/pelanggaran yang didakwa berlaku;
- ii. Nama individu setiap yang terlibat;
- iii. Tarikh dan lokasi kejadian; dan
- iv. Maklumat tambahan, dokumen atau bukti yang boleh menyokong.

6.4. Pemberi maklumat boleh hadir atau membuat janji temu dengan mana-mana pegawai di Unit Integriti.

6.5. Sekiranya pendedahan dibuat melalui surat, pemberi maklumat perlu memberikan maklumat yang jelas, iaitu:

- i. Nama pemberi maklumat;
- ii. Jawatan dan alamat tempat bekerja;
- iii. Alamat semasa; dan
- iv. Nombor telefon untuk dihubungi.

- 6.6. Sekiranya LADA tidak mempunyai kuasa, pendedahan kelakuan tidak wajar akan dipanjangkan kepada agensi penguatkuasaan lain yang mempunyai bidang kuasa dengan persetujuan pemberi maklumat.

7. PERLINDUNGAN YANG DIBERIKAN KEPADA PEMBERI MAKLUMAT

- 7.1. Perlindungan yang diberikan merangkumi tiga (3) perkara, iaitu:

- i. Perlindungan maklumat sulit termasuklah identiti, pekerjaan, alamat, tempat pekerjaan dan lain-lain;
- ii. Kekebalan daripada tindakan sivil atau jenayah yang cuba dikenakan kepada pemberi maklumat. Sebagai contoh, pemberi maklumat tidak boleh disaman atau didakwa boleh pihak yang telah didedahkan kelakuan tidak wajar; dan
- iii. Perlindungan terhadap tindakan yang memudaratkan. Sebagai contoh, sekiranya pemberi maklumat menyampaikan maklumat berkenaan rasuah majikannya dan majikan ingin mengambil tindakan seperti membuang kerja, pemberi maklumat akan dilindungi di bawah polisi ini.

- 7.2. Sesiapa yang membuat atau menerima pendedahan sesuatu kelakuan tidak wajar yang mana suatu kesalahan itu boleh dikenakan **hukuman denda tidak melebihi RM50,000.00 atau penjara tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya** sekali akan dilindungi di bawah **Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 [Akta 711]**.

- 7.3. Perlindungan turut diperluaskan kepada individu yang mempunyai hubungan dengan pemberi maklumat.

- 7.4. Pendedahan yang dibuat melalui emel, surat layang, sistem pesanan ringkas (SMS) dan mekanisme lain yang tidak dapat dikenalpasti identiti pemberi maklumat tidak boleh menerima perlindungan di bawah Akta 711.

8. MEKANISME SIASATAN PENDEDAHAN KELAKUAN TIDAK WAJAR DAN ADUAN TINDAKAN YANG MEMUDARATKAN

- 8.1. Sekiranya siasatan mendapati:

- i. Tiada kesalahan dapat dibuktikan, pemberi maklumat akan dimaklumkan dan tiada tindakan lanjut akan diambil;
- ii. Sekiranya terlibat dengan tata tertib, Unit Integriti akan mendapatkan laporan hasil siasatan dan syor yang dicadangkan ke Jawatankuasa Tata tertib LADA; atau
- iii. Sekiranya terlibat dengan kesalahan jenayah, laporan dan syor akan dibawa kepada Pendakwa Raya untuk diputuskan tindakan selanjutnya.

9. PEMBATALAN PERLINDUNGAN PEMBERI MAKLUMAT

9.1. Pembatalan perlindungan pemberi maklumat akan dilakukan sekiranya pemberi maklumat didapati turut terlibat dalam kelakuan tidak wajar, iaitu:

- i. Membuat kenyataan palsu (sekiranya disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi **RM25,000.00** atau **penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali**);
- ii. Mendedahkan perkara yang remeh – temeh;
- iii. Perkara yang didedahkan mempersoalkan dasar kerajaan;
- iv. Pendedahan yang dibuat untuk mengelakkan pemberi maklumat daripada dibuang kerja atau dikenakan tindakan tatatertib yang lain; atau
- v. Pemberi maklumat melakukan kesalahan lain di bawah Akta 711 seperti mendedahkan maklumat sulit, memusnahkan bukti atau mengarahkan orang lain melakukan perkara yang menjadi kesalahan dalam Akta 711.

10. PERMOHONAN REMEDI

10.1. Sekiranya pemberi maklumat mendapat ancaman atau dikenakan tindakan yang memudaratkan termasuklah perbuatan mencederakan, ugutan, gangguan, diskriminasi, penamatan perkhidmatan, gantung kerja, ancaman atau apa-apa sahaja yang menyebabkan kerugian yang disebabkan oleh mana-mana individu, maka pemberi maklumat boleh memohon remedi bagi mendapatkan:

- i. Ganti rugi atau pampasan;
- ii. Suatu perintah pembatas atau perintah perlindungan berbentuk **injunksi** iaitu undang-undang yang menuntut sesuatu pihak untuk melakukan atau menghalang daripada melakukan tindakan tertentu;
- iii. Penempatan semula tempat kerja; dan
- iv. Lain – lain relif yang difikirkan patut oleh mahkamah.

11. GANJARAN

11.1. Ganjaran boleh diberikan kepada pemberi maklumat bagi pendedahan kelakuan tidak wajar atau tindakan yang memudaratkan yang boleh membawa kepada pendakwaan orang yang diadukan telah melakukan kelakuan tidak wajar atau tindakan yang memudaratkan.


12. KESAN PENDEDAHAN YANG TIDAK BENAR

12.1. Sekiranya pendedahan dibuat dengan niat tidak baik, tindakan pemulihan akan diambil terhadap pemberi maklumat, iaitu tindakan punitif termasuklah tindakan

disiplin, amaran, teguran formal, penurunan pangkat, penggantungan atau ditamatkan perkhidmatan.

13. CARTA ALIR PEMBERI MAKLUMAT

13.1. Carta Alir seperti di **Lampiran A.**

LAMPIRAN A**CARTA ALIR PEMBERI MAKLUMAT****RUJUKAN**

1) Aduan diterima daripada saluran - saluran aduan:

- Pengadu datang sendiri
- Emel *whistleblowing*
- Telefon *whistleblowing*
- Surat rasmi individu/jabatan
- Surat layang
- Faksimili
- Emel
- Telefon
- Media Cetak
- SMS/Teks
- Rujukan daripada Agensi Luar
- Diperolehi oleh Pegawai Unit Integriti

2) Aduan dikemukakan oleh Unit Integriti kepada Jawatankuasa Menilai Maklumat.

3) Jawatankuasa Menilai Maklumat akan menilai dan membuat keputusan sama ada menjalankan siasatan, edar kepada agensi penguatkuasa untuk tindakan lanjut, membuat tindakan dalaman atau tiada siasatan kerana aduan tidak berasas.